



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU *NARATIF OGONSHOTO*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANIS KARMILA BINTI MOHAMAD REDZUAN

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA
DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN
MELAYU NARATIF OGONSHOTO**

ANIS KARMILA BINTI MOHAMAD REDZUAN



05-4506832



**PENULISAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
KESUSASTERAAN MELAYU DENGAN KEPUJIAN**



ptbupsi

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **ANIS KARMILA BINTI MOHAMAD REDZUAN**, NOM. MATRIK **D20191087562** daripada **FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU NARATIF OGONSHOTO** merupakan hasil kerja sendiri. Saya tidak melakukan sebarang plagiat atau mempergunakan sebarang hasil kerja yang mengandungi hak cipta dengan cara yang menyalahi etika penulisan. Segala penggunaan telah dilakukan secara wajar dan bagi maksud yang dibenarkan serta sebarang petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan jelas dan selengkapnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR MADYA DR. GHAZALI BIN DIN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU NARATIF OGONSHOTO** dihasilkan oleh pelajar seperti nama yang tertera di atas. Projek Tahun Akhir ini telah diterima oleh Program Pendidikan Kesusasteraan Melayu bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusasteraan Melayu dengan Kepujian pada sesi 2022/2023.

Tarikh:





PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi Yang Maha Pemurah lagi Maha Bijaksana, Yang memiliki segala ketinggian ilmu dan kekuasaan. Sesungguhnya, tiada daya upaya saya menyiapkan penulisan ilmiah projek tahun akhir ini tanpa izin-Nya. Syukur saya dapat menulis, melengkapkan dan menambah baik penulisan ini sebelum membuat penyerahan dalam jangka masa yang telah ditetapkan.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia, iaitu Profesor Madya Dr. Ghazali bin Din yang telah banyak bersabar dengan sebarang kerentahan saya, memberi nasihat, didikan, tunjuk ajar dan ilmu pengetahuan yang sangat luas kepada diri ini. Diri ini memohon untuk direstui segala ilmu yang dicurahkan dan didoakan perjalanan yang mendatang. Terima kasih atas setiap masa yang sanggup diluangkan demi membimbang para pelajar.

Selain itu, saya mendoakan rahmat tuhan sentiasa mengiringi setiap ahli keluarga, para guru dan rakan-rakan baik di kampung yang sentiasa mendoakan perjalanan saya. Saya percaya, setiap kemudahan dan kejayaan yang dikecapi ialah berkat doa mereka semuanya.

Tidak dilupakan, kepada rakan-rakan karib di universiti, terima kasih untuk segala kenangan yang pernah dilalui bersama. Semoga semuanya mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat serta memiliki masa depan yang berkat. Selamat mendepani kehidupan dengan ketinggian akal budi dan kejernihan hati.

Akhir sekali, yang tidak saya sebutkan dalam karangan ini tetapi telah terlibat baik secara langsung mahupun tidak, terima kasih atas budi kalian.

Alhamdulillah. Terima kasih, semua.

Anis Karmila binti Mohamad Redzuan,
D20191087562,
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kesusastraan Melayu dengan Kepujian,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
Tanjong Malim,
Perak.

02 Mac 2023





NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU *NARATIF OGONSHOTO*

ABSTRAK

Kajian ini melihat Naluri Kepengarangan pengarang dalam sebuah teks novel Kesusasteraan Melayu di sekolah. Kajian berbentuk kualitatif ini mengguna pakai kaedah analisis teks. Kajian ini disokong dengan analisis kandungan media video daripada sebuah siaran Youtube yang memuatkan pengisian bual bicara bersama Sasterawan Negara Anwar Ridhwan mengenai novel beliau, iaitu *Naratif Ogonshoto*. Kajian ini bertujuan mengkaji Naluri Keintelektualan yang menjana minda dalam novel *Naratif Ogonshoto* oleh beliau. Model yang diterapkan ialah Model Proses Kreatif Teksnaluri oleh Ghazali Din (2016). Asasnya, model ini menggagaskan tujuh naluri dalam diri seseorang pengarang sebagai sumber dalaman yang berupaya memangkinkan proses kreatifnya. Dengan membataskan Naluri Keintelektualan, kajian ini melihat penjanaan minda dalam karya yang berkaitan dengan elemen-elemen dalam naluri tersebut. Berdasarkan senarai catatan dan analisis yang dibuat, hasil kajian mendapati bahawa Naluri Keintelektualan menjana minda ditonjolkan oleh pengarang dengan jelas menerusi elemen (i) meneliti roh dan falsafah di sebalik kepincangan isu dalam wacana; (ii) memiliki keinginan tinggi untuk mengetahui sesuatu; (iii) kebolehan mengenal pasti hubungan antara sesuatu; dan (iv) daya persepsi yang tinggi dalam diri. Dengan Naluri Keintelektualan yang ada pada diri beliau, pengarang mengangkat isu berat pada peringkat sarwajagat secara kreatif yang menjadikan pembacanya berfikir serta merenungkan mesej yang cuba disampaikan melalui karya. Ogonshoto ialah republik fiksi yang dicipta oleh kebijaksanaan Anwar Ridhwan untuk membahaskan isu kepincangan dalam tadbir urus negara dan pencemaran yang berlaku secara global. Akhirnya, pengarang menyampaikan pesanan bahawa setiap kejahatan akan terbinasa kerana kebenaran jugalah yang akan kekal. Implikasi kajian ini adalah dapat membentuk pembaca yang lebih intelek dan mampu berfikir secara kritis demi kehidupan sejagat yang lebih sejahtera.

Kata Kunci: Naluri, keintelektualan, menjana minda, pengarang, Model Proses Kreatif Teksnaluri





NALURI KEINTELEKTUALAN MENJANA MINDA DALAM TEKS NOVEL KESUSASTERAAN MELAYU *NARATIF OGONSHOTO*

ABSTRACT

This study examines the author's authorship instinct in a school-related Malay literature novel text. The text analysis method is employed in this qualitative investigation. Video media content analysis from a YouTube broadcast that features an interview with National Writer Anwar Ridhwan about his novel, *Naratif Ogonshoto*, is used to support this study. This study tries to investigate the Intellectual Instinct, which in his *Naratif Ogonshoto* novel generates the mind. The model used is Ghazali Din's Teksnaluri Creative Process Model (2016). In essence, this approach suggests that an author has seven instincts that serve as an internal catalyst for the creative process. By limiting the Intellectual Instinct, this study looks at the generation of the mind in works related to the elements of that instinct. Based on the list of notes and analysis performed, the study's findings revealed that the Intellectual Instinct creates the mind as it was explicitly described by the author through elements including (i) examining the spirit and philosophy behind the problematic issue in the discourse; (ii) having a strong desire to know something; (iii) the capacity to see connections among things; and (iv) high level of perception in oneself. With his Intellectual Instinct, the author raises heavy issues on a universal level in a creative way that makes his readers think and reflect on the message he is trying to convey through his work. Anwar Ridhwan used his expertise to construct the fictional nation-state of Ogonshoto in order to discuss the problems of national corruption and global pollution. Eventually, the author makes the point that good will triumph over evil because the truth will endure. The implication of this study is to develop readers who are more intellectual and capable of critical thought in order to promote a more prosperous universal life.

Keywords: Instinct, intellectual, mind generation, writer, Teksnaluri Creativity Process Model





PERKARA	KANDUNGAN
JUDUL	i
PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI JADUAL	xi

BAB 1: PENDAHULUAN



1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	7
1.7 Kerangka Teori Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	13
1.9 Definisi Operasional	15
1.10 Kesimpulan	21



**BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan	22
2.2 Kajian tentang Naluri	23
2.3 Kajian tentang Keintelektualan	27
2.4 Kajian tentang Menjana Minda	31
2.5 Jurang Penyelidikan	34
2.6 Kesimpulan	36

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.3 Pensampelan	40
3.4 Sumber Data	40
3.5 Instrumen Kajian	41
3.6 Naluri Keintelektualan Model Proses Kreatif Teksnaluri	43
3.7 Pengumpulan Data	45
3.8 Penganalisisan Data	46
3.9 Kesimpulan	47

BAB 4: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	48
----------------	----





4.2 Elemen Naluri Keintelektualan dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	49
4.2.1 Meneliti roh dan falsafah di sebalik kepincangan isu dalam wacana	50
4.2.2 Memiliki keinginan tinggi untuk mengetahui sesuatu	51
4.2.3 Kebolehan mengenal pasti hubungan antara sesuatu	52
4.2.4 Daya persepsi yang tinggi dalam diri	54
4.3 Naluri Keintelektualan Menjana Minda dalam Teks Kesusasteraan Melayu Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	55
4.3.1 Meneliti roh dan falsafah di sebalik kepincangan isu dalam wacana	57
4.3.2 Memiliki keinginan tinggi untuk mengetahui sesuatu	64
4.3.3 Kebolehan mengenal pasti hubungan antara sesuatu	67
4.3.4 Daya persepsi yang tinggi dalam diri	71
4.4 Kesimpulan	75
5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	76
5.2 Elemen Naluri Keintelektualan dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	77
5.3 Naluri Keintelektualan Menjana Minda dalam Teks Kesusasteraan Melayu Novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	78





5.4 Rumusan Dapatan Kajian	83
5.5 Implikasi Kajian	84
5.6 Cadangan dan Kajian Lanjutan	85
5.7 Kesimpulan	86
 RUJUKAN	 88
 LAMPIRAN	 94





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

x

SENARAI RAJAH

RAJAH

MUKA SURAT

1.7 Kerangka teori kajian	12
3.2 Reka bentuk kajian	39
3.6 Elemen-elemen dalam Naluri Keintelektualan	45



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SENARAI JADUAL**

JADUAL	MUKA SURAT
1.6 Aspek batasan dan spesifikasi kajian	8
3.5 Senarai catatan elemen Naluri Keintelektualan	42
4.3 Rumusan dapatan analisis senarai catatan	56
4.3.1 Isu kepincangan dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	59
4.3.2 Teknik kejutan dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	65
4.3.3 Intertekstualiti dalam novel <i>Naratif Ogonshoto</i>	68
4.3.4 Aspek berkaitan kemampuan imaginasi pembaca	72





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bidang kesusasteraan kian berkembang dan mendapat perhatian pengkaji dari pelbagai aspek dan peringkat. Melihatkan potensinya yang dapat membangunkan kemenjadian pelajar, mata pelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) telah menjadi antara subjek yang disertakan di sekolah-sekolah menengah. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK, nama baharu) diajarkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima semasa di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) manakala tingkatan enam melalui Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM). Seperti mata pelajaran-mata pelajaran lain, KMK memberi penekanan kepada pembentukan pelajar yang berilmu, berintelek tinggi dan bersahsiah terpuji. Merujuk istilah “sastera” itu sendiri, kesusasteraan bermaksud kumpulan buku dengan bahasa yang indah dan memberi manfaat serta berguna kepada masyarakat.





Dalam kajian ini, bahagian daripada mata pelajaran KMK yang akan diberi tumpuan adalah pada tahap SPM. Bahagian-bahagian yang dicakupi mata pelajaran tersebut ialah apresiasi sastera, pembangunan insan dan pengkaryaan sepanjang dua tahun di sekolah. Terdapat genre-genre tertentu yang telah dibahagikan sebagai bahan kajian bagi setiap tingkatan yang menyentuh perkembangan kesusasteraan Melayu, iaitu karya tradisional dan moden. Bahan-bahan kajian yang telah ditetapkan tersebut berbentuk puisi dan prosa. Tiga buah teks digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) KMK pada peringkat SPM, termasuklah sebuah novel terpilih, iaitu *Naratif Ogonshoto* oleh Sasterawan Negara (SN) Anwar Ridhwan (2014).

Pengajaran KMK penting untuk merealisasikan usaha dan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM). Pelajar yang mempelajari mata pelajaran tersebut diharapkan berupaya menjadi insan yang seimbang sehingga mampu untuk menyumbang kepada diri, masyarakat dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2018). Hal ini bermakna, apabila mempelajari KMK, pelajar seharusnya mampu mencungkil bakat dan mengasah keunikan dalam diri seterusnya menjadikan kelebihan tersebut sebagai peluang menabur jasa kepada masyarakat dan negara. Tambahan lagi, manusia yang baik ialah manusia yang bermanfaat kepada orang lain.

Dalam pada itu, proses pembelajaran KMK menggunakan tahap kognitif pelajar yang tinggi. Dalam bidang kesusasteraan, pelajar berhadapan dengan cabang-cabang ilmu seni berkaitan bahasa seperti bahasa tersirat, gaya bahasa dan pemikiran pengarang yang berat. Sesetengah karya atau pengarang mempunyai stail atau gaya penulisan yang tertentu, sama ada sebagai satu identiti keunggulan kepenggarangan atau bagi tujuan mendidik pembaca. Dalam bidang penulisan prosa khususnya, pengarang





memanipulasi jenis-jenis atau bentuk ayat yang menguji minda pembaca seiring penyampaian nilai yang terkandung. Di sekolah, bahan-bahan teks terpilih seperti novel mengandungi pelbagai stail atau gaya dari segi penulisannya di samping mesej yang cuba disampaikan. Hal ini melatih pelajar-pelajar agar menjadi manusia yang berfikir dengan bijak dan membentuk pola fikir yang jernih demi pembangunan insan, masyarakat serta negara.

Oleh itu, guru KMK seharusnya perlu memahami bagaimana teks-teks tersebut mampu berperanan menjana minda pelajar sebagai pembaca. Pelajar sebagai pembaca juga perlu memahami kandungan novel dengan baik. Dengan ini, hasrat pemilihan teks-teks tersebut dapat direalisasikan dan dikatakan berkesan untuk melahirkan modal insan yang berintelek tinggi. Penelitian terhadap teks-teks yang telah dijadikan sebagai bahan pembelajaran dalam KMK sewajarnya dilakukan untuk melihat prosesnya menjana keupayaan berfikir pelajar yang lebih baik. Lebih-lebih lagi, pengarang yang berkredibiliti dan prolifik seperti Anwar Ridhwan tidak menghasilkan karya-karya picisan melainkan menggunakan naluri yang tulus daripada dirinya untuk membawa kesejahteraan dalam kehidupan sejagat.

Naluri yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Naluri Keintelektualan yang mencabar minda pembaca. Ini setelah melihat perkembangan disiplin ilmu kesusastraan dan teori di Malaysia mula menonjolkan kewujudan elemen naluri sebagai sumber kreativiti (Ghazali Din, 2016). Manusia dikatakan memiliki naluri-naluri tertentu yang dapat dijana sama ada melalui pengalaman, pengetahuan, perasaan dalaman ataupun pembacaan. Salah satunya ialah Naluri Keintelektualan yang dapat menjana minda dan pola fikir.





1.2 Latar Belakang Kajian

Berdasarkan kajian Ghazali Din (2016) ke atas kepengarangan SN Muhammad Haji Salleh yang menerapkan pendekatan Model Proses Kreatif Teksnaluri, manusia memiliki Naluri Keintelektualan yang menjadi sumber pengkaryaan. Menurut model ini, pengarang merupakan manusia yang berintelek tinggi dalam usaha menyampaikan pemikiran, nilai atau gagasan seiring dengan styl penulisannya sama ada sebagai satu identiti ataupun tidak. Perkataan “keintelektualan” tersebut merupakan terbitan daripada kata akar “intelek” yang membawa maksud bijaksana atau keupayaan menggunakan daya fikir pada tahap yang tinggi. Pengarang yang menghasilkan karya menggunakan Naluri Keintelektualan akan berusaha mencipta sesuatu yang mencabar minda khalayak pembaca.



Karya-karya atau bahan-bahan dalam PdP KMK yang ditetapkan telah melalui proses pemilihan dan saringan oleh barisan panel yang berwibawa. Ini bermakna, setiap bahan yang dipilih adalah berkualiti dan mampu menjana keintelektualan pelajar yang mempelajari KMK. Pelajar dibentuk menjadi insan yang berintelek, iaitu manusia yang terpelajar, berupaya menjadi orang cerdik pandai dan mampu menyelesaikan masalah menggunakan kemampuan akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT. Pelajar-pelajar sebagai pembaca diasuh untuk menggunakan daya fikir semaksimum mungkin untuk memperoleh makna agar mendapat mesej yang disampaikan dengan baik.

Anwar Ridhwan merupakan seorang pengarang yang jujur dalam masyarakatnya. Sebagai seorang pemimpin dan pembimbing masyarakat, beliau berani untuk mengemukakan pelbagai topik yang wujud dalam realiti kehidupan. Sokongan yang digunakan oleh Anwar Ridhwan dalam bentuk karya yang mengatasi novel-





novelnya merupakan hasil pemikiran dan pengetahuan beliau. Gaya penulisannya yang tersendiri dan kerap menggunakan simbolisme, telah membezakannya daripada pengarang lain. Bagi mencipta karya yang benar-benar cemerlang dan berguna untuk masyarakat, Anwar Ridhwan amat menitikberatkan kualiti kerjanya berbanding kuantiti (Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae, 2020).

Justeru itu, pemilihan *Naratif Ogonshoto* sebagai teks novel KMK sekolah menengah merupakan satu usaha yang wajar dalam membentuk insan-insan yang lebih celik minda dan hati. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memperlihatkan bagaimana Naluri Keintelektualan yang dimiliki pengarang diterapkan dalam karya sehingga terhasilnya sebuah novel yang bermutu tinggi demi membentuk cara fikir yang ideal kepada pembacanya.



1.3 Pernyataan Masalah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menggariskan enam hasrat dari segi pendidikan, iaitu pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian, identiti nasional, dan kemahiran berfikir. Untuk mengelakkan daripada melakukan kesilapan lagi di sekolah menengah, pelajar perlu memahami hasrat ini sejak peringkat sekolah rendah lagi. Kebolehan berfikir mesti diajar bagi menyediakan pelajar untuk bersaing pada peringkat global dan dapat menggunakan maklumat serta pemahaman mereka secara meluas dalam kehidupan seharian (Ros Anita Kartini Mohamed, Abdul Halim Ali & Norawi Kata, 2021).

Berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) (KPM, 2018), pembelajaran mata pelajaran KMK menekankan aktiviti PdP yang berteraskan





penghayatan, praktikal, mencabar pemikiran kreatif pelajar dan melibatkan penerokaan minda. Selain itu, KSSM KMK juga bertujuan agar pelajar mampu membaca, memahami, dan menghayati karya yang dibaca. Kerangka KSSM KMK dibina atas enam domain dasar, iaitu Komunikasi, Keterampilan Diri, Kerohanian Sikap dan Nilai, Sains dan Teknologi, Kemanusiaan dan Perkembangan Fizikal dan Estetika yang dijalinpadukan dengan pemikiran kreatif dan kritis serta inovatif. Justeru itu, pemilihan teks-teks bagi KMK sejak dahulu lagi telah diperdebatkan agar mematuhi kriteria-kriteria tertentu (Siti Khariah Mohd Zubir, 2013).

Karya Anwar Ridhwan yang telah dipilih sebagai teks KMK peringkat SPM memiliki kelebihannya yang tersendiri. Kepengarangan Anwar Ridhwan menggunakan simbol yang rawak dan konvensional, tetapi masih juga mempunyai makna baharu yang tersirat olehnya (Maznida Mahadi, 2019). Ekoran itu, penelitian yang tidak mendalam terhadap karya-karya beliau tidak akan mampu memperlihatkan makna dan tujuan teks dengan sebenarnya.

Sebagai seorang pengarang yang unggul, masyarakat pembaca perlu menghargai usaha pemilihan karya beliau tersebut dan sewajarnya meneliti kandungan dan mesej serta pemikiran yang cuba disampaikan kepada pembaca menerusi keintelektualan beliau sendiri. Keunggulan kepengarangan beliau tidak dapat dinafikan lagi dan semua itu lahir daripada Naluri Keintelektualan dalam dirinya untuk menghasilkan sesuatu yang dapat mengasuh minda pembaca agar turut sama menjadi manusia yang berfikir. Persoalannya, apakah keintelektualan-keintelektualan yang cuba disampaikan dalam karya tersebut sehingga telah tergolong sebagai antara penerima Hadiah Sastera MASTERA tahun 2003 ini (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2022)?





Oleh sebab itu, sebuah kajian wajar dijalankan untuk melihat Naluri Keintelektualan pengarang dalam teks selain melihat pengaruhnya yang menjana minda.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan melihat bagaimana Naluri Keintelektualan pengarang dalam novel *Naratif Ogonshoto* menjana minda pengarang dan pelajar sebagai pembaca. Oleh itu, objektif kajian ini akan memberi perhatian kepada perkara berikut:

1. Mengenal pasti elemen Naluri Keintelektualan yang terdapat dalam novel *Naratif Ogonshoto* berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri.
2. Mengkaji Naluri Keintelektualan dalam novel *Naratif Ogonshoto* sebagai teks Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang menjana minda.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah elemen Naluri Keintelektualan yang terdapat dalam novel *Naratif Ogonshoto* berdasarkan Model Proses Kreatif Teksnaluri?
2. Bagaimanakah Naluri Keintelektualan dalam teks novel *Naratif Ogonshoto* menjana minda?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan kerana pengkaji tidak dapat melaksanakan sesuatu fokus secara menyeluruh. Jadual di bawah menunjukkan aspek-aspek yang dibataskan tersebut:





Jadual 1.6: Aspek batasan dan spesifikasi kajian

Batasan	Justifikasi
Novel <i>Naratif</i>	Novel merupakan sebuah prosa yang tidak terlalu panjang namun tidak pula terlalu pendek (M. Doni Sanjaya, M. Rama Sanjaya & Rini Wulandari, 2022). Isi cerita dihuraikan dengan lebih mendalam untuk kefahaman dan penghayatan pembaca.
Model/teori: Naluri Keintelektualan Model	Model Proses Kreatif Teksnaluri ialah sebuah gagasan baharu untuk mengkaji proses kreatif menggunakan naluri. Naluri Keintelektualan hadir dalam diri pengarang untuk mencipta sesuatu yang mencabar minda pembaca (Ghazali Din, 2016).
Unsur: Intrinsik dan ekstrinsik novel	Pengamatan melalui unsur intrinsik dapat menunjukkan mesej dalam cerita (Nuryanti, Chuduriah Sahabuddin & Abdul Muttalib (2020). Unsur ekstrinsik memperlihatkan pengaruh luar ke atas teks (Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2019).
Pendekatan: Kualitatif	Berfokuskan perkataan berbanding pengiraan data dan datanya adalah deskriptif daripada sumber bahan bertulis (Kamarul Azmi Jasmi, 2012).



Berdasarkan Jadual 1.6, kajian ini akan menumpukan genre novel berbanding bahan lain yang ditetapkan oleh KPM bagi mata pelajaran KMK. Teks yang akan diguna pakai bagi tujuan analisis ialah novel *Naratif Ogonshoto*. Novel ialah sejenis karya sastera yang ditulis dalam bentuk naratif dan termasuk sebagai perjuangan khusus dalam kisah menghidupkan watak-watak. Novel ialah satu bahasa rekaan yang panjangnya sempurna, iaitu tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek (M. Doni Sanjaya, M. Rama Sanjaya & Rini Wulandari, 2022).

Selain itu, kajian ini juga terbatas kepada penggunaan Model Proses Kreatif Teksnaluri oleh Ghazali Din (2016). Naluri yang dipilih ialah Naluri Keintelektualan. Naluri ini dikaitkan dengan kapasiti pemikiran atau akal fikiran seseorang serta perwatakan intelek mereka. Manakala kebolehan atau kapasiti untuk berfikir, memahami dan menganalisis merupakan maksud daripada istilah akar kata “kecerdasan”. Golongan terpelajar, cerdas, dan ahli akademik yang membentuk kelas intelektual menumpukan diri mereka untuk menggunakan fakulti mental bagi memikirkan isu dan konsep bukan material. Sejarah intelektual yang berkisar tentang jargon dan simbol mental seperti idea, sumbang saran, falsafah, peribahasa, dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kebijaksanaan adalah untuk mengelakkan masyarakat daripada menerima sebarang pengetahuan tanpa mengkjanya. Tuntasnya, Naluri Keintelektualan dalam model ini tepat untuk digunakan kerana penulis merupakan ahli komuniti intelektual yang mendapat idea semasa berkarya.

Seterusnya, novel dibina berdasarkan dua jenis komponen, iaitu intrinsik dan ekstrinsik. Antara unsur intrinsik dalam bahagian novel ialah topik, perwatakan, latar, alur, pilihan bahasa, sudut pandangan, dan mesej. Nuryanti (dalam Nuryanti, Chuduriah Sahabuddin dan Abdul Mutalib, 2020) menegaskan bahawa subjek cerita



atau tanggapan menyeluruh ialah asas unsur intrinsik. Subjek dibangunkan melalui kemasukan intrinsik lain seperti perwatakan, konteks, dan alur cerita. Sehubungan dengan itu, kajian ini tidak hanya membataskan elemen intrinsik dalam mengkaji Naluri Keintelektualan yang ada kerana elemen luar juga mempengaruhi kandungan cerita secara keseluruhannya (Ungku Maimunah Mohd Tahir, 2019). Namun begitu, kajian ini tidak menyentuh semua aspek dalam intrinsik atau ekstrinsik melainkan secara umum sahaja.

Untuk itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis teks bagi mencapai tujuan penyelidikan yang telah ditetapkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, maklumat dalam teks merupakan sumber data utama kepada pengkaji yang relevan dengan isu yang sedang dikaji bagi kajian analisis teks (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Selain itu, kaedah analisis kandungan media video (Mohd Sobhi Ishak, Azahar Kasim, Awan Ismail & Norsiah Abdul Hamid, 2018) dijadikan sebagai sokongan kajian untuk mendapatkan data yang lebih kukuh.

1.7 Kerangka Teori Kajian

Konsep yang mendasari kajian ini ialah Model Proses Kreatif Teksnaluri oleh Ghazali Din (2016). Terdapat tujuh naluri yang digariskan dalam model ini, iaitu Naluri Kerohanian, Naluri Kemanusiaan, Naluri Kemasyarakatan, Naluri Keindividualan, Naluri Keintelektualan, Naluri Kealaman dan Naluri Keindahan. Kesemua naluri tersebut menjadi pencetus kepada ilham awal bagi karya seseorang yang berasal daripada minda bawah sedar. Frasa “Teksnaluri” bermaksud sesuatu teks yang memiliki perkataan-perkataan, simbol atau tanda yang didasari oleh naluri pengarang ke dalam karya sehingga mempengaruhi jiwa pembacanya. Model ini menggagaskam






bahawa sesebuah karya memiliki sifat komunikatif yang dilandaskan kemahuan fitrah manusia menerusi pancaran emosi dalam karya dengan nilai estetika serta falsafah sehingga mempengaruhi khalayak (Ghazali Din & Abdul Halim Ali, 2020).

Naluri Keintelektualan wujud dalam diri pengarang sebagai sebuah elemen keunggulan. Keintelektualan berasal daripada perkataan “intelek” yang lazimnya dikaitkan dengan golongan cerdik pandai dan kemampuan menggunakan daya fikir secara optimum. Pengarang akan berusaha untuk mencipta karya yang bermutu dan indah bahasanya (Halina Sendera Mohd. Yakin, Rosmah Derak & Abdul Hair Beddu Asis, 2020). Tidak kurang juga, Naluri Keintelektualan yang hadir menjadikan pengarang mencipta karya dengan wawasan dan matlamat tertentu. Kebijaksanaan inilah yang sepatutnya dikaji dan dilihat kerana orang yang pandai akan berusaha untuk menyelesaikan masalah dalam masyarakatnya. Kewujudan naluri tersebut bukan sahaja menjana minda pengarang, bahkan akan turut sampai kepada pembaca seperti rajah berikut:





Rajah 1.7 Kerangka teori kajian

Berdasarkan rajah di atas, Naluri Keintelektualan dalam diri pengarang memiliki elemen-elemen tersendiri yang dikaji melalui penelitian ke atas teks novel *Naratif Ogonshoto*. Analisis yang dilakukan akan memperlihatkan Naluri Keintelektualan dalam novel *Naratif Ogonshoto* bermula dengan pengarang sebelum turut mempunyai kesannya ke atas pelajar sebagai pembaca. Dengan adanya kerangka teori kajian ini, penyelidikan yang dijalankan lebih terpandu. Tujuannya adalah supaya kaedah analisis yang ditentukan berjaya mendapatkan hasil yang menjawab setiap persoalan dan objektif kajian yang telah digariskan dengan tepat.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan sewajarnya memberikan manfaat atau mencipta jalan penyelesaian bagi sesuatu isu yang timbul. Kajian ini memiliki beberapa impak dan faedahnya kepada pelbagai pihak seperti yang digariskan di bawah:

1.8.1 Masyarakat

Kajian ini akan memberikan faedah kepada masyarakat dengan lahirnya anggota komuniti yang berintelek dan berupaya menggunakan kemampuan berfikir untuk membawa kesejahteraan dalam kehidupan bermasyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, sejak peringkat awal lagi, para pembaca didedahkan untuk menjadi lebih kreatif dan kritis menerusi bahan pembacaan. Pelajar sebagai pembaca terdidik untuk menganalisis dan memahami karya oleh pengarang yang menuntut mereka berusaha menggunakan akal dengan sebaik mungkin semasa membaca teks. Selain itu, kajian ini penting sebagai usaha melahirkan masyarakat yang memiliki daya fikir yang tinggi dan penuh intelek demi mendepani masa depan yang jauh lebih mencabar.

1.8.2 Penulis

Kajian ini juga memiliki kepentingan tersendiri kepada golongan penulis buku atau pengkarya sastera di luar sana. Kajian ini seharusnya menyuntik kesedaran dan menaikkan semangat para penulis untuk mencipta karya dengan nilai pemikiran yang tinggi. Selain fungsi hiburan dan keindahan, penulis seharusnya mula menambahkan kreativiti dalam kepenggarangan sebagai usaha menyampaikan sesuatu mesej dalam karya yang berguna kepada masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, tidak





semua isu dapat dijelaskan secara nyata kepada khalayak, namun tidak pula didiamkan kerana mampu menjadi barah dalam kehidupan bersama.

1.8.3 Pelajar

Kajian ini juga memiliki kepentingan kepada pelajar KMK sebagai pembaca, iaitu mereka berpeluang menggunakan kemampuan akliah untuk mentafsirkan sesuatu karya yang dipelajari. Pelajar dibiasakan dengan kerja-kerja mental, iaitu berfikir ketika mempelajari teks kajian ini. Kesannya, mereka terbiasa dengan pemikiran analitik dan kritis yang sangat penting kepada diri sendiri untuk menjalani kehidupan sehari-hari. Naluri Keintelektualan dalam diri pengarang mencipta satu hubungan komunikasi secara tidak langsung yang menjadikan mereka lebih berhati-hati dan tidak terburu-buru menerima sesuatu maklumat. Sebaliknya, sesuatu perkara yang diketahui perlu diselidiki terlebih dahulu kebenaran dan rasionalnya.

1.8.4 Guru

Penerokaan terhadap karya bermutu tinggi ini diharapkan dapat membantu dari segi ilmu tambah kepada guru agar lebih mudah untuk menyampaikan isi cerita novel kepada pelajar di sekolah. Dengan adanya kajian ini juga, diharapkan agar guru menghayati Naluri Keintelektualan dalam diri seseorang pengarang yang cuba disampaikan melalui karya. Dengan ini, barulah guru dapat menyampaikan pengajaran dengan sepenuh jiwa dan sepenuh hati kepada para pelajar KMK.





1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini akan memberikan pendefinisian kepada beberapa istilah khusus dalam kajian. Penjelasan tersebut adalah seperti berikut:

1.9.1 Naluri

Menurut Hadiana Trendi Azami (2020), naluri ialah asas dalam reka bentuk kehidupan. Kehadirannya bertujuan agar manusia hidup, meneruskan gen mereka dan mencari petunjuk mengenai kehadiran Pencipta. Manusia tidak boleh mengalami kejadian alam melalui naluri, tetapi akal boleh mengakses alam melalui isyarat atau peristiwa yang jelas. Terdapat tiga jenis naluri yang berbeza, iaitu dorongan seseorang untuk melindungi diri sendiri, dorongan untuk menyukai jantina lain, dan dorongan untuk



Intuisi yang merupakan nama lain bagi bisikan hati atau naluri, merupakan keupayaan atau kebolehan seseorang untuk memahami sesuatu tanpa memikirkan atau mengkajinya. Naluri juga dapat diklasifikasikan sebagai satu bentuk bakat psikik. Kewujudannya adalah tiba-tiba tanpa dirancang yang sering disebut sebagai impuls. Ini juga boleh dilihat sebagai jenis intuisi yang menghasilkan pemahaman maklumat. Diakui bahawa tanggapan intuisi ini kebanyakannya bersifat psikologi (Rannu Sanderan, 2020).

Tambahan lagi, corak tingkah laku dan gerak balas terhadap rangsangan tertentu yang tidak diajar tetapi telah wujud sejak penciptaan benda hidup dan telah diturunkan dari generasi ke generasi dikenali sebagai naluri ketiga (*phylogenetic*). Dalam psikoanalisis, naluri dilihat sebagai kebolehan psikik yang hadir secara tidak sedar. Percubaan dilakukan untuk memenuhi kekurangan atau keinginan, yang merupakan





akar kepada naluri. Dari sudut galakan, terbukti bahawa kecenderungan semula jadi individu itulah yang mendorongnya untuk bertindak dan berkelakuan. Justeru itu, naluri ialah tindak balas yang muncul secara semula jadi dalam tingkah laku dan emosi seseorang tanpa pengetahuannya (di luar kesedaran).

Menurut Perlovsky dan Schoeller (2019) pula, terdapat bukti besar daripada data otak dan tingkah laku yang menunjukkan majoriti proses emosi berlaku secara tidak sedar. Sepanjang perjalanan hidup, keperluan manusia terbina untuk mengawal maklumat dan menyokong kemunculan makna yang timbul. Majoriti emosi yang mendasari proses pembelajaran semula jadi ini berlaku di bawah tahap sedar. Operasi kognitif, pemahaman bahasa dan membuat keputusan yang betul bergantung pada emosi tidak sedar.



individu bertanggungjawab untuk menentukan apa yang diharapkan mengikut hati nurani mereka. Manusia mematuhi prinsip moral atas kehendak bebas (kesedaran). Kaedah yang digunakan untuk menegakkan undang-undang dan moral juga berbeza. Akhlak berasal daripada hati nurani dan ketabahan batin seseorang. Garis panduan moral pula dipatuhi dengan sukarela. Kekuatan hati nurani manusia adalah satu-satunya kekuatan yang dapat mengekalkan moral tersebut. Kedaulatan undang-undang terutamanya dikuatkuasakan melalui kuasa luar, namun turut diperkuuh oleh keteguhan dalaman hati nurani manusia.

Naluri turut berkait rapat dengan tingkah laku. Menurut sesetengah pakar, tingkah laku agresif dan teritorial pada seseorang mungkin sudah berakar secara semula jadi. Terdapat pengkaji yang mempercayai bahawa tingkah laku manusia berbeza secara kualitatif daripada haiwan. Walau bagaimanapun, banyak pemboleh ubah yang





sama turut mengawal tingkah laku haiwan dan berkemungkinan mengawal tingkah laku manusia juga. Terdapat beberapa risiko untuk menggeneralisasikan penemuan daripada kajian haiwan tersebut kepada tingkah laku manusia (Instinct, 2018).

Apabila bercakap tentang pembelajaran, naluri lebih mementingkan keupayaan guru untuk menanamkan naluri keibuan atau kebapaan kepada pelajar, yang membayangkan bahawa ibu bapa mesti mempunyai hubungan emosi yang kuat dengan anak mereka. Dalam kapasiti ini, guru bertanggungjawab menjalankan proses pembelajaran “memanusiakan manusia” dan mengembangkan budaya persaudaraan, belas kasihan, empati, kasih sayang, dan menghormati orang lain. Oleh itu, pendidikan harus menyokong pembangunan keperibadian autonomi, kesejahteraan fizikal dan mental, kecerdasan, dan kegunaan pelajar kepada masyarakat (Suardipa, 2020).



semasa membuat pertimbangan dan menyelesaikan isu berdasarkan gerak hati. Berdasarkan gaya ini, seseorang perlu tahu apa yang perlu difikirkan. Pilihan untuk menyelesaikan masalah yang terbaik dapat dirasai dalam hati berdasarkan ilmu. Dengan pengetahuan yang ada, mungkin sukar untuk membuat pilihan yang benar-benar tersilap dan cuba mengelak daripada menghadapi realiti. Menggunakan pendekatan ini seolah-olah menguji nasib sendiri, jika intuisi tersebut betul, maka seseorang itu bertuah. Jika tidak, usaha berterusan mesti dilakukan untuk berjaya. Pendekatan ini, walau bagaimanapun, mengambil kira mod pemikiran kreatif yang berbeza.

Dalam proses kreatif atau dunia kepengarangan, justeru pengarang didorong oleh tenaga dalaman yang menjadikannya bertindak untuk berkarya. Bukan itu sahaja, suara hati tersebut memandu pengarang berdasarkan “lorong” atau “jalan” yang





tersendiri. Antaranya ialah jalan daripada “Naluri Keintelektualan” yang hadir dalam diri pengarang sehingga menggesanya mencipta sesuatu yang bijak kepada pembaca.

1.9.2 Keintelektualan

Dalam Islam, Allah SWT mencipta manusia sebagai makhluk dengan potensi yang unik daripada spesies lain, iaitu potensi yang dizahirkan dalam bentuk akal. Manusia boleh berfikir, memahami, mengingati, menyekat, mengatur keinginan mereka, dan menyelesaikan pelbagai kesulitan dalam kehidupan dengan bantuan akal. Manusia seharusnya dapat menggunakan pemikiran dengan sebaik mungkin untuk mengatur diri selain mampu memahami apa yang ditunjukkan oleh setiap perintah Pencipta agar menjadi khalifah di muka bumi yang mempunyai kemampuan berfikir secara rasional

atau intelektual, iaitu kecerdasan (IQ). Untuk menjalani kehidupan yang sesuai dengan apa yang dinyatakan dalam al-Quran dan hidup bahagia di dunia dan akhirat, adalah penting bagi manusia untuk mengembangkan diri, menggunakan akal dalam mempelajari al-Quran, mempelajari ayat-ayat yang terkandung di dalamnya, dan menjadikan Al-Qur'an sebagai pedoman hidup yang mampu memberi kesan positif kepada manusia (Susmita, 2022).

Menurut Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae (2020), sebagai individu yang signifikan, pengarang bercita-cita untuk mendidik masyarakat di samping menggunakan ilmu atau kecerdasan yang terkandung dalam karyanya untuk maju ke peringkat yang lebih tinggi. Ini berlaku kerana karya unggul bukan sahaja ditakrifkan oleh kecerdasan atau kebijaksanaan pengarang dalam cara mereka menyusun fakta sebagai ciri kecemerlangan teks, tetapi mungkin yang paling penting ialah fakta bahawa pengarang unggul mengiktiraf dirinya sebagai seorang insan





yang mencari pemenuhan dan mendidik masyarakat untuk melakukan perubahan melalui penyebaran mesej dan penerapan nilai-nilai murni.

Sokongan yang digunakan oleh Anwar Ridhwan dalam bentuk karya yang mengatasi dua novel pilihan ini ialah hasil pemikiran dan pengetahuan beliau. Oleh sebab gaya penulisannya sangat berbeza, beliau kerap menggunakan simbolisme yang membezakannya daripada pengarang lain. Anwar Ridhwan sememangnya lebih menitikberatkan kualiti berbanding nombor semasa menghasilkan karya-karyanya kerana bercita-cita untuk mencipta karya agung yang baik dan bermanfaat kepada masyarakat. Bagi mengelakkan daripada menekankan aspek hiburan semata-mata, sikap dan pengalaman hidup yang menonjolkan cita-cita etika turut memberi kesan kepada idealisme seseorang pengarang. Sebaliknya, untuk memaklumkan dan menyedarkan masyarakat, pengarang akan memberikan fakta yang menunjukkan sesuatu kejadian sebenar.

1.9.3 Menjana Minda

Dalam pendidikan Islam, pemupukan kecerdasan intelek (IQ) atau akal melibatkan lebih daripada sekadar menyampaikan ilmu. Usaha tersebut memerlukan tindakan seiring meluruskan hati dan menanamkannya dengan akhlak yang terpuji seperti keikhlasan, kejujuran, belas kasihan kepada orang lain, tolong-menolong, persahabatan dan sebagainya. Hasilnya, dengan prinsip sebegitu, kecerdasan menjadi kuasa utama di sebalik pembangunan manusia di muka bumi ini (Susmita, 2022).

Tujuan memasukkan KBAT ke dalam kurikulum di sekolah adalah untuk mencabar proses pemikiran pelajar dan mengukur tahap kebolehan menyelesaikan masalah mereka (Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim, 2022). Salah satu





komponen utama yang diutarakan dalam topik KMK ialah unsur melahirkan minda yang terikat kuat dengan pertumbuhan kognitif. Bagi mempercepat pertumbuhan kognitif pelajar, aspek minda yang menyeluruh perlu diwujudkan. Komponen ini berfungsi sebagai asas penting untuk membangunkan potensi pelajar sebagai individu yang berpengetahuan.

KPM (2018) mengatakan bahawa pengetahuan benar dan maklumat praktikal ialah asas kepada proses mengembangkan kecerdasan atau idea (menjana minda). Untuk memahami maklumat dan organisasi yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui teks, digariskan keperluan untuk pelajar Malaysia menjadi pakar dalam penjanaan konsep (M. Suppiah, E., & Nordiana Hamzah, 2021). Manakala pendedahan bahan tidak baik seperti kandungan lucah dan permainan video ganas merupakan antara faktor yang dianggap memberi kesan negatif terhadap minda dan tingkah laku pada manusia seawal usia kanak-kanak (Siti Noridayu Abd. Nasir & Hazlina Abdul Halim, 2022).

1.9.4 Kesusasteraan Melayu

Menurut Siti Khariah Mohd Zubir (2013), matlamat utama pengajaran sastera adalah untuk mendidik pelajar kepada aspek sastera yang relevan dengan kehidupan seharian dan masyarakat, seperti budaya, agama, akhlak, keindahan, kemanusiaan dan bahasa. Pelajar dapat sedar bahawa sastera merupakan sebahagian daripada diri mereka sendiri apabila didedahkan dengan unsur-unsur yang terkandung dalamnya secara besar-besaran menerusi bimbingan guru yang berpengetahuan. Mereka mempunyai keupayaan untuk memahami kehidupan orang di sekeliling mereka.





Shahnon Ahmad (dalam Lee dan Chia Ying, 2019) menegaskan bahawa pendidikan sastera adalah penting untuk membangunkan pemikiran dan keperibadian manusia kerana menggabungkan pelbagai komponen yang menggalakkan nilai kemanusiaan yang baik. Pendidikan sastera seawal peringkat kanak-kanak amat penting dalam membimbing golongan muda ke arah pembangunan akhlak yang tinggi. Oleh itu, adalah penting untuk mengetahui dan meneliti prinsip moral yang terkandung dalam sastera kanak-kanak. Ibu bapa, pendidik dan masyarakat wajar mengetahui sejak awal betapa pentingnya untuk memberikan nilai dalam kehidupan seharian kanak-kanak untuk membangunkan sikap dan tindakan positif dalam diri manusia.

1.10 Kesimpulan



Sebagai rumusannya, kajian teks ini akan cuba mengaplikasikan Model Proses Kreatif Teksnaluri untuk melihat bagaimana Naluri Keintelektualan menjana minda. Selain itu, permasalahan-permasalahan kajian telah dinyatakan dengan jelas dalam bentuk persoalan. Objektif kajian telah ditulis dengan pemilihan kata kerja yang boleh dicapai, spesifik dan bersesuaian dengan tempoh kajian. Seterusnya, bab ini juga telah memperlihatkan kepentingan kajian kepada masyarakat, penulis, pelajar dan guru. Oleh itu, sebuah kerangka teori akan digunakan agar kajian yang dilaksanakan tidak tersasar daripada mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Beberapa had kajian juga telah dijelaskan sepanjang kajian analisis teks dilaksanakan. Bab yang seterusnya pula akan menghuraikan tinjauan literatur berkenaan kajian dengan lebih berfokus dan mendalam.

